



PERUNTUKAN SALAH LAKU Penjawat Awam

Dalam satu wacana yang mengupas Laporan Ketua Audit Negara 2012, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed, antara lain dipetik sebagai berkata, "undang-undang negara ini tidak boleh mendakwa kecuaiian sebagai kesalahan."

G. MANIMARAN

Naib Pengerusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

KEADAAN itu berbeza daripada negara maju yang mempunyai kesalahan salah laku awam yang membolehkan pihak yang cuai dan menyebabkan kerugian wang rakyat boleh didakwa. Namun begitu, menurut Abu Kassim, SPRM tertakluk kepada peraturan dan bidang kuasa yang sudah digariskan, tidak boleh bertindak di luar peruntukan, khususnya rasuah dan penyelewengan. Apabila sesuatu kes yang dibawa ke mahkamah digugurkan, pihaknya turut berasa kecewa. Itu rumusan beliau. Maka SPRM mencadangkan peruntukan dan undang-undang baharu diwujudkan

bagi menangani salah laku penjawat awam (*misconduct in public office*).

"Di luar negara kita dapati kesalahan salah laku penjawat awam dilihat secara lebih meluas, mereka mempunyai jaringan kesalahan yang lebih luas. Kita boleh melihat dalam laporan audit negara misalnya, terdapat beberapa kesalahan, iaitu pegawai kerajaan mengambil tindakan membelakangkan kepentingan awam," ujar beliau.

Australia dan Hong Kong memperkenalkan peruntukan salah laku, khusus untuk mendakwa penjawat awam yang tidak

menjalankan tugas dengan amanah. Di Hong Kong, menerusi *Common Law*, penjawat awamnya boleh didakwa di mahkamah walaupun tiada bukti yang kukuh terhadap salah laku membabitkan perbuatan rasuah. Melalui undang-undang yang aktif dikuatkuasakan di Hong Kong sejak 1998, penjawat awam yang menyalahgunakan kuasa atau melabatkan perbuatan rasuah membabitkan hubungan persaudaraan dengan penjawat awam boleh dihadapakan di mahkamah. Pakar perundangan berpendapat bahawa undang-undang

seumpama ini sehingga kini didapati amat berkesan bagi membendung perbuatan rasuah dan salah laku dalam kalangan penjawat awam di negara terbabit. Beberapa kes berjaya didakwa di mahkamah dan pelaku menerima hukuman yang setimpal. Kes terbaharu membabitkan syarikat hartanah dan mantan ketua setiausaha pentadbiran Hong Kong.

Pada Disember 2014, Hong Kong yang menjadi model misi pencegahan rasuah bagi banyak negara memutuskan bahawa bekas ketua setiausaha pentadbiran Hong Kong dan pemimpin kanan syarikat hartanah



Tan Sri Abu Kassim Mohamed

"Di luar negara kita dapati kesalahan salah laku penjawat awam dilihat secara lebih meluas, mereka mempunyai jaringan kesalahan yang lebih luas. Kita boleh melihat dalam laporan audit negara misalnya, terdapat beberapa kesalahan, iaitu pegawai kerajaan mengambil tindakan membelakangkan kepentingan awam."

didapati bersalah berhubung dengan tuduhan salah laku dan rasuah membabitkan HK\$25 juta. Beberapa hari selepas keputusan mahkamah berkaitan kes itu, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Bebas Pencegahan Rasuah (ICAC) Hong Kong, mengumumkan pihaknya mengambil langkah mengetatkan kod etika membabitkan penjawat awam. Langkah tersebut termasuklah peraturan ketat yang menghalang menerima hadiah bernilai kurang daripada HK\$500 tanpa kelulusan pegawai kementerian masing-masing. ICAC menyifatkan langkah mengemas kini kod etika versi tahun 2000 sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan salah laku dalam kalangan penjawat awam.

Di Malaysia, keperluan ke arah itu turut mendapat perhatian. Undang-undang berkaitan salah laku dalam kalangan penjawat awam

difikirkan perlu digubah, bagi membolehkan masalah ketirisan dan pembaziran dalam pengendalian kewangan agensi kerajaan seperti yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Ada pandangan yang mengatakan bahawa peruntukan sedemikian penting bagi mengambil tindakan terhadap penjawat awam yang tidak amanah serta sambil lewa dalam menjalankan tugas, tetapi dalam kebanyakan situasi tidak dapat dikenakan tuduhan di bawah undang-undang rasuah dan penyelewengan secara langsung.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed, menjelaskan bahawa kerajaan perlu menggubal undang-undang khusus yang berkaitan dengan salah laku dalam kalangan penjawat awam untuk membolehkan masalah ketirisan

dan pembaziran yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dapat diatasi.

Mantan Timbalan Pesuruhjaya ICAC, Daniel Li, menjelaskan bahawa Malaysia wajar mempertimbangkan dengan teliti cadangan mewujudkan undang-undang ini bagi memastikan penjawat awam yang melakukan salah laku membelakangkan kepentingan awam sehingga merugikan negara termasuk menjurus pada perbuatan rasuah agar dikenakan tindakan. Katanya, cadangan yang dikemukakan oleh SPRM sebelum ini harus dipandang secara serius.

"Apabila SPRM mengenal pasti isu yang perlu diambil perhatian, terutama berkaitan salah laku penjawat awam, maka sudah tentu penguatkuasaan akan lebih efektif dengan wujudnya undang-undang sedemikian," katanya kepada media baru-baru ini.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), iaitu satu daripada lima badan bebas yang memantau perjalanan SPRM mencadangkan agar undang-undang khas digubal bagi menangani salah laku penjawat awam. Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), yang merupakan satu lagi badan bebas yang memantau perjalanan SPRM juga mengesyorkan agar kerajaan memberikan perhatian yang serius mengenai ketirisan dan salah laku berhubung dengan pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2012. Jawatankuasa itu berpandangan bahawa undang-undang yang sedia ada berhubung dengan kecuaiian dan ketidakpatuhan tidak boleh dibawa ke mahkamah kerana bukan bersifat jenayah dan hanya melibatkan tindakan tatatertib atau surcaj semata-mata. **DM**